

EKOLOGI DAN CORAK PEMILIKAN TANAH ADAT ETNIK BIDAYUH

(Bidayuh Ethnic Ecological and Customary Land Ownership)

Azima Abdul Manaf, Zaimah Ramli & Sarmila Md Sum

ABSTRAK

Pertikaian dalam pemilikan tanah adat telah mencetuskan persoalan terhadap motif sebenar komuniti Bidayuh mempertahankan hak mereka terhadap tanah. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk memahami motif pemilikan tanah dalam kalangan komuniti Bidayuh di Sarawak. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah dengan menggunakan metod kualitatif yang bersifat naratif dengan mengambilkira *world-view* dan pengalaman sosial komuniti Bidayuh mengenai motif pemilikan tanah adat dalam kalangan mereka. Oleh yang demikian in-depth interview dengan pemilik tanah adat dalam kalangan pemilik tanah adat di daerah Serian telah dilakukan. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa motif pemilikan komuniti Bidayuh terhadap tanah lebih tertumpu kepada usaha untuk mengekalkan identiti dan keperluan ekonomi saradiri mereka. Dapatan temubual mendalam dengan pemilik tanah mendapati motif sosial pemilikan tanah sangat diperlukan atas beberapa sebab seperti keperluan menjaga identiti kelompok, tanah sebagai nilai kekayaan komuniti, tanah sebagai asset ekonomi masyarakat dan melalui tanah ikatan solidary akan dapat diwujudkan. Manakala dapatan dalam konteks ekonomi pula menjelaskan bahawa tanah sebagai sumber pencarian suku kaum, bimbang berlakunya peningkatan dalam pasaran tanah, wujud persaingan dalam pemilikan serta bimbang wujudnya perlucutan pemilikan. Justeru beberapa usaha yang menyentuh keperluan pemeraksanaan tanah mereka dalam konteks geran tanah individu sangat diperlukan bagi mengelakkan pelbagai perselisihan faham dan dalam masa yang sama dapat mempertahankan keselamatan pemilikan tanah adat.

Kata kunci: Bidayuh, Budaya Tanah Adat, Generasi, Identiti, Motif pemilikan dan Generasi

ABSTRACT

Disputes in customary land ownership have sparked a question of the true motives of the Bidayuh community to defend their rights to land. Therefore, this study aims to understand the motive of land ownership among the Bidayuh community in Sarawak. The data collection methods used in this research are using narrative qualitative methods by taking into account the world-view and social experience of the Bidayuh community on the motifs of customary land ownership amongst them. As such, in-depth interviews with indigenous land owners among customary land owners in the Serian district have been conducted. The results show that the ownership motives of Bidayuh community on land are more focused on efforts to maintain their identity and economic needs. An in-depth interview with landowners found that social motives of land ownership were very necessary for some reasons such as the need to maintain the identity of the group, the land as the value of the community's wealth, the land

as a community economic asset and through a solidary bond land would be created. Whereas in the context of the economy it is clear that the land as a source of the tribe's quests, fearing that there would be an increase in the land market, there was competition in ownership and that there was a disruption of ownership. Hence some efforts touched on the need for empowerment of their land in the context of individual land titles are indispensable to avoid various conflicts of interest and at the same time protect the security of customary land ownership.

Keywords: Bidayuh, Indigenous Land Culture, Generation, Identity, Motive of Ownership and Generation

PENGENALAN

Tanah menjadi penting apabila berkaitan dengan semua aspek kehidupan sesebuah komuniti. Kepentingan tanah dalam komuniti terkait dengan sistem kepercayaan, kebudayaan, kesihatan, pengurusan sumber, pewarisan pengetahuan dan adat, perundangan, sosial, dan politik (Adibah Awang, 2009). Pertalian unik yang wujud di antara komuniti dan tanah merupakan tunjang kepada cara hidup dan identiti kolektif bagi mereka. Bagi masyarakat adat, tanah merupakan sumber yang penting bagi memastikan kelangsungan hidup suku bangsa mereka (Nurzalikha Sa'adi, Nadzirah Zainordin 2019). Oleh yang demikian adalah sangat penting bagi masyarakat adat untuk mempertahankan tanah yang sedia ada untuk generasi akan datang (Paul Malone 2014). Dalam usaha mempertahankan tanah adat ini, pelbagai halangan dihadapi oleh masyarakat apabila aspek yang berkaitan dengan faktor sosio dan budaya masyarakat setempat tidak diberikan penekanan sewajarnya (Noviatin Syarifuddin et al. 2018). Keadaan ini menyebabkan wujudnya pertikaian yang melibatkan isu pengiktirafan hak terhadap penggunaan dan perlindungan tanah adat (Colchester 2008).

Pertelingkahan yang berpanjangan ini mencetuskan persoalan terhadap motif sebenar yang mendorong komuniti Bidayuh mempertahankan hak mereka terhadap tanah. Sehubungan itu penelitian terhadap sebab yang mendorong mereka mempertahankan tanah adat perlu difahami dalam konteks ekologi pemilikan yang diwarisi sejak turun temurun. Oleh itu, penelitian terhadap motif sebenar pemilikan tanah adat perlu dilihat dalam konteks memahami makna tanah bagi komuniti Bidayuh. Sehubungan itu, penekanan artikel ini adalah mengenai keperluan memahami motif pemilikan tanah berdasarkan pandangan lokal dan budaya komuniti Bidayuh, di Serian Sarawak.

KAJIAN LEPAS

Lisa A. McLoughlin (2019) memberi tumpuan kepada isu-isu tanah dan identiti masyarakat Pagan di Amerika Utara. Bagi masyarakat Pagan hubungan dengan tanah penting untuk melengkapkan identiti kita. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Pagan tanah menjadi sebagai faktor pengikat dan menjadi pelengkap kepada aspek secara psikologi, sosial, dan rohani. Walaupun orang Pagan di Amerika Syarikat (Pagans AS) adalah orang-orang yang dipindahkan tetapi tradisi budayanya yang berakar di Eropah, Afrika, dan tempat-tempat lain telah membentuk sikap mereka terhadap tanah. Pemerhatian yang dilakukan terhadap orang Pagan mendapati pergantungan mereka ke atas tanah telah melengkapkan identiti mereka. Selain itu, kelonggaran dan pemahaman masyarakat terhadap tanah dan kepentingan

budaya dan potensi tanah boleh mewujudkan risiko kesan negatif terhadap budaya dan sosial masyarakat. Oleh itu, keperluan tanah sebagai identiti masyarakat Pagan sangat ditekankan bagi menghindari potensi sosial yang negatif berkait dengan tanah dan pemilikan

Jens Korff (2018) menjelaskan keperluan dan maksud memiliki tanah kepada penduduk Orang Asli. Orang bukan asli dan pemilik tanah mungkin menganggap tanah sebagai sesuatu yang mereka miliki, suatu komoditi yang akan dibeli dan dijual, aset untuk membuat keuntungan. Tetapi bagi orang Asli tanah merupakan cara untuk membentuk kehidupan dan ianya dianggap seperti rumah. Motif pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli mempunyai hubungan yang mendalam dengan rohani yang membentuk budaya dan kedaulatan mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan melindunginya daripada diceroboh. Hal ini menjelaskan motif pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli banyak berkait dengan keperluan mempertahankan identiti dan budaya masyarakat mereka. Tanpa tanah identiti mereka akan hilang.

F. Dumont et E. Glon and B. Sepúlveda (2018), mendapati setiap proses yang berkait dengan tanah orang Asli seingkali mengabaikan populasi merak sehingga membawa kepada persoalan tanah dan pengagihan tempat dan wilayah tradisi yang mereka miliki. Keperluan tanah bagi orang Asli didorong bukan sahaja oleh identiti dan pengenalan diri mereka tetapi juga berkait dengan keperluan saradiri, pengekalan budaya dan tradisi. Bagi orang Asli mereka membentuk identiti melalui hubungannya dengan tanah. Selain itu dasar-dasar kolonial yang diwujudkan serta proses asimilasi telah menyebabkan orang Asli enggan berpartisipasi dengan pembangunan. Oleh itu motif pemilikan tanah dalam kalangan orang Asli bukan sahaja berkait dengan keperluan identiti tetapi juga yang berkait dengan survival seperti budaya dan kepeluan terhadap mata pencarian mereka.

Janis Alcorn (2013) menjelaskan bahawa masyarakat pribumi sering hidup di tanah yang dikuasai oleh tempoh adat dan perjanjian komuniti yang lain. Dapatan beliau menjelaskan bahawa mengekalkan akses kepada sumber-sumber semula jadi dan memformalkan hak pemilikan tanah adalah asas penting bagi masyarakat pribumi. Hak pemilikan terhadap tanah oleh masyarakat adat penting bagi tujuan mengekalkan mata pencarian mereka, menjalankan hak sivil, sosial, budaya, politik, dan ekonomi mereka; serta menyumbang kepada pembangunan mampan paa peringkat tempatan. Pengiktirafan dan penandaan undang-undang kawasan, wilayah, atau domain kesukuan merupakan cara utama untuk memperkasakan masyarakat adat. Walau bagaimanapun, perlindungan undang-undang seolah-olah tidak wujud, apabila tanah masyarakat pribumi diambil bagi tujuan pengambilan tanah untuk pertanian, pembangunan infrastruktur, pemuliharaan biodiversiti. Keadaan ini menjadi ancaman kepada masyarakat pribumi akibat ketidakupayaan mereka untuk bekerja dengan berkesan ditambah lagi dengan tempat kediaman mereka yang terpencil. Dalam hal ini usaha pembangunan harus menepati keperluan khusus orang asli dengan cadangan mengukuh tanah dan sumber masyarakat orang Asli.

Burke (2005) dan Norfolk & Liversage (2008), menjelaskan bahawa motif atau keperluan terhadap hak pemilikan tanah penting bagi menjamin kelangsungan hidup dan pengekalan budaya sesebuah masyarakat. Tambahan pula, dalam masa yang sama ia dapat memastikan kejelasan terhadap proses rujukan pemilik tanah. Di samping dapat meningkatkan tahap keselamatan pemilikan tanah serta mengukuhkan peranan komuniti setempat dalam konteks penjagaan dan pengawalan ke atas sumber semula jadi.

Menurut IensKorff (2013), bagi orang-orang asal hubungan mereka dengan tanah mempunyai nilai yang sangat mendalam. Mereka menganggap tanah sebagai kepunyaan mereka selamanya. Ini kerana setiap aspek dalam kehidupan mereka berkait rapat dengan

tanah. Mereka mempunyai hubungan kerohanian yang mendalam terhadap tanah. Undang-undang dan nilai kerohanian mereka saling berhubungan dengan tanah, komuniti dan pencipta dan seterusnya hubungan itu akan membentuk budaya dan kedaulatan mereka. Bagi masyarakat adat tanah adalah punca kepada kekayaan, budaya dan identiti. Hal ini kemudiannya menjelaskan tanggungjawab mereka untuk menjaga dan melindungi tanah tersebut.

Kirsten Ewers Anderson (2011) pula menjelaskan bahawa orang asal mempunyai hubungan dengan tanah serta persekitaran semula jadi dan ianya sangat berkait dengan keperluan memperuntukkan identiti sosial, kerohanian dan keistimewaan budaya. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebergantungan dalam konteks ekonomi dan budaya orang asal terhadap tanah yang diwarisi oleh nenek moyang adalah sangat tinggi.

Bonita Lawrence & Enakshi (2009) pula menyatakan bahawa, memisahkan orang asal dari tanah mereka seumpama memisahkan 'kedaulatan' mereka. Justeru menurut FOA (2002), pemilikan tanah yang diiktiraf penting kepada komuniti asal dalam konteks sosial, aset ekonomi, identiti budaya dan meningkatkan tahap penglibatan dan pemeraksanaan komuniti terhadap pemilikan tanah.

Rumusan daripada perbincangan pengkaji mendapati motif atau tujuan pemilikan tanah dalam masyarakat orang Asli atau peribumi banyak berkait dengan keperluan menjaga identiti dengan membentuk budaya dan kedaulatan mereka. Tanah menjadi sangat penting kepada mereka bagi menentukan legasi suku mereka. Dalam pada itu pemilikan tanah perlu dipertahankan bagi memastikan kelangsungan hidup dalam konteks penjanaan sumber bahan mentah, ekonomi, survival dan budaya.

Sehubungan itu, dapatan daripada pengkaji lepas telah dijadikan kerangka model dalam memahami motif pemilikan tanah dalam kalangan komuniti Bidayuh di Sarawak. Situasi pemilikan tanah di Sarawak menjelaskan wujud satu pertalian yang unik dan kompleks (Dapatan Sarawak, 2013). Hal ini kerana tanah merupakan nadi bagi komuniti tersebut dan amat bermakna kepada mereka dan tidak hanya bersandarkan kepada ekonomi semata-mata (SUHAKAM, 2013). Namun, rasa kebanggaan komuniti Bidayuh terhadap pemilikan tanah adat semakin tergugat akibat kewujudan isu pertelingkahan pemilikan tanah yang tiada penyelesaian sehingga kini. Isu pertelingkahan tanah di kawasan kajian antara lain melibatkan isu pemilikan, pengambilan tanah dan pencerobahan tanah. Keadaan ini menjadi penyebab kepada perlunya mereka mempertahankan hak terhadap tanah.

Evolusi Pemilikan Tanah Adat

Mengikut undang-undang Kanun Tanah Sarawak 1957, tanah adat memang diakui. Hal ini jelas apabila terdapat beberapa undang-undang yang melindungi hak tanah adat seperti peruntukan di dalam Bab 21 Kanun Tanah Sarawak iaitu Seksyen 2 (a), Seksyen 5(2) dan Seksyen 15 (1) yang memberi penekanan terhadap definisi, cara pemilikan dan perlindungan hak tanah adat. Satu lagi bukti yang menunjukkan tanah adat diakui oleh undang-undang ialah peranan mahkamah seperti Mahkamah Penghulu yang berperanan dalam menyelesaikan kes-kes berkaitan hak milik tanah adat. Ini kerana, sebarang kes yang melibatkan isu tanah adat dalam komuniti yang tidak dapat diselesaikan melalui penghakiman tuai rumah akan dirujuk di Mahkamah penghulu. Hal ini menjelaskan bahawa tanah adat mempunyai maksud yang sah kerana Mahkamah Penghulu (*Native Court*) mengakui pemilikan tanah adat komuniti.

Pemilikan tanah adat biasanya berbentuk komunal dan ditanam pelbagai jenis tanaman secara bersama dengan ahli-ahli komuniti. Lazimnya, tidak wujud pemilikan yang jelas secara bertulis dan dalam bentuk formal terhadap tanah adat. Misalnya, sebidang tanah yang bersaiz sehektar boleh 'dimilik bersama' di antara beberapa ahli dalam keluarga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada tuai rumah beliau menyatakan bahawa sebahagian besar anak buahnya memiliki tanah adat yang masih berstatus tanah keluarga. Pemilikan bersama ini bertujuan menjaga kebajikan keluarga melalui penghasilan hasil tanaman yang dikerjakan di atas tanah itu walaupun ahli-ahli keluarga yang mengerjakan tanah tersebut tidak tinggal serumah. Mekanisme pengerjaan tanah secara komunal seperti ini membayangkan sistem ekonomi tradisi yang bertujuan untuk mencapai kelangsungan hidup dengan optimal walaupun pada kadar pengeluaran yang rendah yang diperolehi daripada saiz tanah yang relatifnya kecil untuk konsumsi isi keluarga yang besar.

Selain itu dalam sistem pemilikan tanah adat komuniti Bidayuh, peminjaman atau menumpang tanah kepunyaan orang lain merupakan kebiasaan dalam kalangan komuniti Bidayuh. Kebiasaannya, peminjaman dilakukan untuk jangka masa sederhana panjang terutamanya untuk aktiviti pertanian jangka pendek seperti penanaman padi dan sayur-sayuran. Sifat komuniti Bidayuh yang bertolak ansur menggalakkan aktiviti tersebut tatkala sumber tanah semakin terhad dan bilangan penduduk dalam komuniti semakin bertambah. Asalkan tidak mencero boh, amalan tersebut dibenarkan. Namun, jika didapati mencero boh tanah milik orang lain, maka mengikut adat Bidayuh, pencero boh tersebut akan dihukum. Menurut pemilik tanah mereka menyatakan bahawa;

"...kalau kita minta, tidak salah. Macam kamu tidak ada tanah minta pinjam sama saya, saya kasi la. Saya kasi sama kamu. Satu tahun bikin ladang di situ. Kalau kamu nak lagi dua tahun, kamu beritahu. Kalau ikut undang-undang kampung. Kalau kita tidak minta terus mencero boh, memang kena hukum. Kalau zaman nenek moyang dulu, hukumnya, kena pakai tempayan satu buah. Kalau kita beli dia mahu, seribu lebih sekarang. Satu buah tempayan yang bernama Siam. Memang kecil tapi harga sekarang bila tanya di Batu Empat sana, mahal. RM1000 lebih. Dengan satu buah dulang tembaga itu. Itulah yang kena..."

Dalam sistem tradisi pemilikan tanah Bidayuh, walaupun tanah terbiar tanpa tanda guna tanah atau tanda diusahakan, tanah tersebut tetap tidak boleh digunakan atau dicero boh oleh orang lain. Salah satu ciri tradisi utama bagi sistem pemilikan tanah komuniti adalah kawasan tanah atau hutan yang ditinggalkan tidak bertanam dan dijaga dalam wilayah mereka bagi tujuan pemuliharaan tanah, pemburuan, pengumpulan hasil hutan, merakam sejarah mereka dan mengingati peristiwa atau orang penting. Tanah terbiar juga disebabkan oleh faktor lokasi tanah yang jauh dari petempatan menyebabkan kesukaran pemilik tanah untuk ke kawasan tanah tersebut. Selain itu, tanah terbiar juga disebabkan oleh pemilik tanah yang uzur dan tidak mampu untuk mengerjakan tanah serta faktor anak-anak yang tidak tinggal bersama. Apabila pengkaji menanyakan mengenai pengambilan tanah yang terbiar, seorang pemilik tanah menyatakan bahawa;

"...tak boleh. Memang sudah ada hak sudah. Hak saya memang orang lain tak boleh ambil. Memang besar mana pun pokok (pokok terbiar) tak boleh. Tapi sekarang saya ada ni tanah yang sudah lebih daripada 50 tahun sebelum saya ada lagi pokok sekarang besar-besar sudah macam pokok kayu balak (tanah terbiar sudah menjadi seperti hutan tebal), tapi orang lain tidak berani masuk sebab tahu itu tanah saya..."

Hal ini turut disokong pemilik tanah lain yang menyatakan:

“... tanah sekarang kosonglah, tapi orang pun tak boleh kacaulah sebab dah tahu tanah ini memang sudah ada orang punya...”

Sistem pemilikan tanah adat dalam komuniti Bidayuh adalah merupakan warisan pusaka nenek-moyang mereka dalam bentuk struktur tradisional yang agak unik. Sebelum tahun 1985, jika seseorang dalam kalangan komuniti memasuki kawasan hutan yang belum pernah dikerjakan oleh sesiapa, atau menebang dan membersihkan kawasan tersebut untuk bercucuk tanam, maka kawasan yang dikerjakan adalah miliknya tanpa mengira jumlah keluasan. Walaupun tanah adat tidak mempunyai dokumen pemilikan tanah seperti geran, dalam konteks adat dan budaya mereka, pemilikan tanah adat diiktiraf oleh ahli-ahli dan pemimpin dalam komunitinya. Sistem pemilikan tanah adat komuniti Bidayuh telah diamalkan sejak dahulu lagi dan diakui oleh mahkamah adat. Atas faktor tersebut, mereka yakin bahawa undang-undang formal boleh menerima sistem pemilikan tradisi mereka terhadap tanah adat. Menurut salah seorang pemilik tanah beliau menyatakan bahawa sistem pemilikan tanah mereka sah di sisi undang-undang formal untuk diwarisi turun-temurun. Menurutnya:

“...undang-undang mesti terima (sistem pemilikan tanah adat). Macam saya, saya punya anak sudah tua, waris dia turun temurun. Jadi hak milik sendiri..”

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah tentang memahami motif yang mendorong komuniti Bidayuh mempertahankan pemilikan tanah adat NCR. Bidayuh mendiami kawasan Barat Daya Sarawak, terutamanya di daerah Serian. Bidayuh juga dikenali sebagai dayak darat kerana petempatan mereka sebahagian besarnya berada di daerah pedalaman, hulu-hulu sugai dan dataran tinggi (Rasheed Muzaffar 2013). Kaum ini mempunyai hubungan yang rapat dengan tanah disebabkan oleh amalan ekonominya yang bersifat tradisional dan bergantung sepenuhnya pada sumber tanah (Muhammad Sodbir et al. 2019). Sebahagian besar ahli dalam komuniti Bidayuh mengamalkan aktiviti ekonomi sara diri. Disebabkan oleh faktor pendidikan yang rendah, kemiskinan dan modal yang tinggi untuk melibatkan diri dalam ekonomi moden menyebabkan mereka sangat mementingkan pengekalan pemilikan tanah adat. Ini kerana mereka tidak mempunyai aset lain kecuali tanah yang diwarisi sejak sekian lama. Keadaan ini mewujudkan penentangan mereka terhadap pencerobahan tanah adat. Oleh itu, kajian bertujuan untuk menyingkap motif pemilikan tanah dalam kalangan pemilik tanah adat di Serian Sarawak.

Sehubungan itu, indepth interview dengan pemilik tanah NCR di empat buah kampung terpilih di Daerah Serian, Sarawak. Kampung yang terlibat terdiri daripada Kampung Kekai, Kampung MentuTupu, Kampung Mongkos dan Kampung Tong Nibong *In-depth interview* telah dijalankan terhadap beberapa orang pemilik tanah adat untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai isu pemilikan dan persempadanan tanah adat. Hasilnya, *in-depth interview* yang melibatkan 20 orang informan telah diperolehi. Tujuan indepth interview dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berhubung dengan motif keperluan keberadaan pemilikan tanah adat mereka. Analisis berdasarkan tema-tema tertentu telah dikenalpasti berdasarkan Oleh itu pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah untuk menganalisa *world-view* dan pengalaman sosial komuniti Bidayuh mengenai motif sebenar keperluan mempertahankan tanah adat milik mereka.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian bertujuan untuk merungkai motif pemilikan tanah dalam kalangan pemilik tanah NCR di kawasan kajian. Hasil soal selidik dan *indepth interview* dengan pemilik tanah menjelaskan bahawa terdapat dua motif utama yang mendorong mereka mendorong mereka untuk mempertahankan pemilikan tanah. Motif sosial pemilikan antara lain bertujuan untuk mempertahankan aspek sosial seperti identiti kelompok, nilai kekeluargaan, aset komuniti, ikatan solidariti. Manakala motif ekonomi pemilikan pula melibatkan beberapa elemen yang berkait dengan tanah sebagai sumber mata pencarian, wujud persaingan dalam pemilikan, peningkatan nilai pasaran tanah dan bimbang berlakunya perlucutan pemilikan tanah.

i. Motif Sosial

Tanah dalam konteks sosial bertujuan untuk mempertahankan aspek sosial pemiliknya. Melalui tanah aspek sosial komuniti cuba dipertahankan untuk kelangsungan hidup generasi kini dan akan datang. Oleh itu dalam konteks sosial terdapat beberapa motif pemilikan oleh komuniti Bidayuh iaitu;

Tanah sebagai identiti kelompok

Mempertahankan tanah dengan motif untuk kelangsungan identiti kelompok menjadi satu yang penting dalam konteks sosial kelompok.. Ini kerana dalam konteks sosial, tanah sangat berkait rapat dengan elemen-elemen adat dan budaya sesebuah kelompok seperti Bidayuh. Menurut Charlie (2014), adat dan budaya merupakan suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sesebuah kelompok masyarakat dan diwariskan dari generasi ke generasi. Melalui tanah kelangsungan sosiobudaya dalam konteks identiti kelompok dapat dipertahankan. Melalui tanah rasa kebanggaan pemilik tanah jelas terjelma apabila mereka dapat mewariskan pusaka tinggalan nenek moyang mereka untuk generasi yang seterusnya. Menurut beberapa orang pemilik tanah di kawasan kajian, mereka mengatakan:

“...rasa bangga, kita dapat mengekalkan keturunan. Takut cucu-cicit kita nanti bilang, “ooh... datuk nenek moyang kami dulu malas... sebab itu tiada tanah..”

Menurut Mishuana Goeman (2008) juga, komuniti asal menganggap tanah adat sebagai *‘place’* berbanding *‘location’* kerana *‘place’* mempunyai sejarah dan makna yang mewujudkan aspirasi, semangat dan pengalaman kepada komunitinya. Komuniti Bidayuh memaknakan *‘tempat’* dengan mengaitkan sejarah peribadi dan pengalaman komunal untuk menceritakan sesuatu kawasan tanah adat seperti kawasan perkuburan, tempat peristiwa adat, dan kawasan sejarah lampau. Oleh sebab itu, kawasan bermakna seperti hutan dara tetap dilindungi oleh komuniti Bidayuh daripada ancaman luar.

Sehubungan itu dalam komuniti Bidayuh, adat dan budaya tradisi menyediakan satu kerangka yang saling berhubungan untuk mengorganisasikan dan meramalkan perilaku dan arah tuju ahli dalam komuniti (Charlie, 2014). Justeru dalam proses mencari identiti suku bangsanya, Dawos Mamit (2003) menyatakan bahawa komuniti Bidayuh menganggap seni warisan dan adat resam yang dimiliki dan dipraktikkan sehingga kini merupakan suatu percikan daripada budayanya yang mempunyai pengaruh bagi menyatukan masyarakat. Begitu juga dengan sistem pemilikan tanah komuniti Bidayuh sebahagian besarnya dipengaruhi secara kuat oleh adat dan budayanya.

Tanah sebagai nilai kekeluargaan

Bagi komuniti Bidayuh, tanah adat juga dianggap sebagai nilai kekeluargaan. Melalui tanah ikatan kekeluargaan akan menjadi akrab dan dapat dipanjangkan. Ini kerana tanah merupakan pemberian daripada keturunan terdahulu kepada pewaris keluarga yang seterusnya. Melalui tanah, keluarga akan dapat dikenali bagi memastikan susur galur keturunan dan memastikan hak jatuh ke atas pemilik yang benar-benar berhak. Melalui tanah tuai rumah menjadi sangat penting bagi memastikan ikatan yang terjalin sekian lama tidak terputus sehingga boleh memberi ancaman terhadap perlucutan kuasa terhadap tanah. Oleh itu, pemilikan tanah adat menjadi sangat penting dalam konteks nilai kekeluargaan bagi mengekalkan identiti, kesinambungan inter-generasi, adat serta kebudayaan warisan turun temurun. Pandangan beberapa orang pemilik tanah menyatakan:

“...Penting pada nilai kekeluargaan la. Itu merupakan turun temurun, itu merupakan hadiah daripada mak bapak, daripada nenek kepada cucu cicit, macam itulah turun temurun...”

Kebanyakan pemilik tanah adat yang ditemui telah memberikan nilai tanah dalam konteks kekeluargaan berbanding nilai harta ataupun materialistic. Bagi mereka tanah tidak boleh dianggap sebagai harta individu, tetapi merupakan harta keturunan keluarga. Ini bersesuaian dengan kajian Iens Korff (2013) yang menyatakan tanah adalah ‘ibu’ kepada ikatan kekeluargaan dan di atas faktor tersebut, mereka bertanggungjawab untuk menjaga dan melindunginya.

Tanah sebagai aset komuniti

Hasil temubual dengan pemilik tanah, komuniti Bidayuh mengakui bahawa tanah merupakan aset yang bermakna kepada mereka. Tanah dilihat sebagai aset yang penting kerana tanah menjadi penghubung aspek keagamaan, kepercayaan dan kebudayaan mereka. Melalui tanah nilai dan identiti sosial mereka dipertahankan. Sebagai contoh pelbagai upacara akan dilakukan bagi membolehkan hak ke atas pemilikan diperakukan oleh ketua masyarakat. Upacara ini yang bertujuan untuk memperteguhkan hak pemilikan mereka terhadap aset yang sangat bernilai dalam kelompok mereka. Sebab itu tidak hairan jika sekiranya pemilikan terhadap tanah adat telah melambangkan simbol ‘kerajinan’ bagi komuniti Bidayuh. Hal ini jelas jika dilihat kepada cara pemilikan oleh generasi mereka terdahulu, nenek moyang mereka mendapatkan tanah dengan cara membuka kawasan-kawasan baru dengan menebas hutan-hutan dara dan membuat penandaan sebagai tanda pemilikannya. Oleh itu, faktor usaha dan kesanggupan diikuti oleh kerajinan generasi nenek moyang terdahulu telah mempengaruhi jumlah tanah adat yang dimiliki olehnya dan keturunannya.

Pandangan dari beberapa orang pemilik tanah menjelaskan bahawa;

“...Bagi di kampong macam ni, memanglah. Banyak tanah tu dia lebih berharta. Sebab dia dulu dia rajin, ataupun datuk nenek dia dulu rajin. Keturunan dia rajin-rajin. Baik masa sekarang kita mahu cari tanah mana lagi, tanah semua sudah ada yang punya...”

Hal ini jelas apabila ramai dalam kalangan pemilik tanah yang tidak mempunyai tanah lain selain tanah adat. Sebahagian besar daripada mereka amat bergantung dengan tanah adat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka bagi tujuan menyara hidup. Walaupun ada kalangan mereka yang mempunyai tanah hakmilik sendiri namun adat Bidayuh dilarang sekeras-kerasnya penjualan tanah apatah lagi tanah adat. Menurut mereka tindakan tersebut

umpama menjual hak warisan turun-temurun nenek moyang mereka. Justeru, mengekalkan pemilikan tanah adat adalah tanggungjawab pemilik tanah dalam komuniti Bidayuh sebelum diwariskan kepada generasi penyambung.

Mewujudkan ikatan solidariti

Pemilikan tanah dalam komuniti Bidayuh mempunyai motif untuk menyatukan komuniti. Pemilikan tanah telah menjadi faktor yang mendorong generasi seterusnya untuk kekal dalam kelompok mereka. Dengan adanya tanah, gorang-orang muda boleh terus tinggal di kampung sambil membuat kerja-kerja pertanian tanpa perlu berhijrah ke kawasan Bandar untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam konteks komuniti, tanah telah berperanan penting bagi menyatukan dan meningkatkan tahap penglibatan komuniti Bidayuh dalam aktiviti-aktiviti seharian seperti menanam padi huma dan sebagai. Selain itu, makna yang dikongsi secara bersama dalam konteks pemilikan tanah menyebabkan hubungan antara masyarakat adat menjadi akrab dan rapat. Ini kerana gaya hidup tradisi yang relevan dengan pengetahuan dan amalan mereka telah membawa mendorong kemampunan hubungan antara komuniti dengan tanah. Seperti mana yang ditekankan oleh Azima A. M et. al (2014), pertalian unik yang wujud antara masyarakat Bidayuh dengan tanah merupakan tonggak utama kepada identiti kolektif bagi suku kaum mereka. Hal ini jelas, apabila ada dalam kalangan pemilik tanah yang menyatakan bahawa;

“ tanah la yang mengikat kasih sayang antara kami...kerana tanah ramai yang balik mengusahakan aktiviti kampung...”

Selain itu, tahap pendidikan yang rendah juga berkait rapat dengan perspektif komuniti yang bersifat konvensional dalam konteks pemilikan tanah adat. Komuniti Bidayuh lebih mementingkan pengekalan pemilikan berbanding membangunkan dan memajukan tanah adat. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi tingkat pengeluaran hasil pertanian dan taraf ekonomi mereka. Perspektif yang sedemikian juga menyebabkan komuniti Bidayuh merasakan tidak perlu untuk mendaftarkan pemilikan tanah kerana menganggap tanah adat adalah milik mereka selama-lamanya, berdasarkan pendudukan secara warisan turun-temurun. Sehingga wujudnya beberapa pertikaian berkaitan dengan tanah adat, komuniti Bidayuh mulai sedar akan kepentingan pengiktirafan pemilikan secara jelas dan sah bagi melindungi tanah adat mereka.

ii. Motif Sara Diri

Dari segi petempatan, kebanyakan komuniti Bidayuh masih tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman dan mengamalkan sistem ekonomi yang berkait rapat dengan pertanian dan ekonomi sara diri sebagai sumber hidup mereka. Atas motif sara diri, pemilikan terhadap tanah penting bagi mereka untuk mengekalkan kelangsungan hidup mereka dari generasi ke generasi. Dalam motif sara diri ini terdapat beberapa elemen yang mendorong mereka untuk mempertahankan pemilikan tanah iaitu tanah sebagai sumber mata pencarian, wujud persaingan dalam pemilikan, peningkatan nilai pasaran tanah dan bimbang berlakunya perlucutan pemilikan tanah.

Sumber mata pencarian

Dalam konteks ekonomi, tanah telah menjadi sumber mata pencarian ekonomi sara diri serta aktiviti komersial komuniti Bidayuh. Dengan tanah komuniti Bidayuh telah berusaha untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka melalui aktiviti memburu dan memungut hasil hutan. Selain itu, tanah juga digunakan untuk aktiviti pertanian seperti tanaman padi huma dan lada hitam, sayur-sayuran yang kebiasaannya di tanam di tanah keluarga dan tanah kampung. Dalam konteks komuniti Bidayuh tanah yang dikenali sebagai *tanah pulau* merupakan sumber utama bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan sumber makanan hutan seperti buah-buahan, rotan dan kayu hutan. Kebergantungan komuniti Bidayuh terhadap tanah bagi tujuan kelangsungan hidup serta aktiviti komersial yang lain menyebabkan pemilikan tanah yang jelas melalui geran individu sangat diperlukan bagi menjamin keselamatan pemilikan bagi generasi seterusnya. Pandangan daripada beberapa orang pemilik menjelaskan bahawa;

“...penting pemilikan tanah ini biasalah macam kita cari makan, tanam padi apa semua dari tanahlah...”

“...memang inilah cara kita cara kami diam (duduk) di luar bandarlah. Macam kita yang takda pelajaran memang diam dekat kampunglah. Tanam sawit sikit, lada sikit, padi sikit macam tulah...”

Penelitian dalam kalangan informan kebanyakan mereka terlibat dalam aktiviti pertanian dan kerja-kerja kampung. Kebanyakan pemilik tanah adat ini bekerja sebagai petani dan membuat kerja-kerja kampung yang lain seperti penternakan, memburu dan memungut hasil hutan. Keadaan ini menggambarkan bahawa pekerjaan tersebut merupakan kegiatan ekonomi komuniti Bidayuh. Oleh itu tanah adat menjadi sumber yang sangat penting kepada komuniti Bidayuh bagi tujuan menjalankan kerja-kerja kampung seperti memungut hasil hutan dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan persaingan yang tinggi dalam pemilikan tanah kerana kebergantungan komuniti terhadap sumber tanah dalam menjalankan aktiviti memburu dan sebagainya.

Justeru itu dalam konteks motif pemilikan, tanah menjadi sangat penting kepada setiap generasi bagi mengekalkan kelangsungan hidup seharian setiap ahli komunitinya. Dalam aspek sosioekonomi, tanah merupakan sumber dalam mendapatkan sumber ekonomi dalam pendapatan dan sumber makanan sara diri. Disebabkan penglibatan sebahagian besar komuniti dalam aktiviti pertanian seperti getah, lada hitam, padi, buah-buahan dan pelbagai aktiviti lain seperti memburu dan memungut hasil hutan menyebabkan tanah adat penting kepada mereka. Menurut salah seorang pemilik tanah, beliau menyatakan bahawa;

“... tanah tiada, memang tidak ada untuk meraih pendapatan. Sebab di sini kebanyakan orang tanam getah. Dulu diutamakan tanam getah. Jadi itulah punca pendapatan. Bagi yang tak ada getah, dia tanam padi. Bukan senang tu sebab padi kadang-kadang tahun ini hasil dia lain, tahun depan lain lagi hasil. Mungkin kita dapat banyak, mungkin kita dapat sedikit sebab padi di sini bukan untuk dijual, untuk sendiri saja, untuk makan sendiri. Tiada istilah untuk dijual...”

Persaingan dalam pemilikan tanah

Sumber tanah semakin terhad menyebabkan timbul persaingan dalam konteks pemilikan tanah. Persaingan dalam pemilikan tanah telah menyebabkan komuniti Bidayuh terdorong untuk mendapatkan geran pemilikan bagi membolehkan hak milik mereka dapat dipertahankan. Ini kerana persaingan untuk mendapatkan tanah ini bukan sahaja dalam kalangan ahli keluarga

malah turut didorong oleh agensi pembangunan seperti syarikat pembalakan, perladangan dan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan sebagainya. Persaingan ini seringkali mewujudkan pertelingkahan dengan beberapa pihak yang berkaitan dengan usaha pembangunan dan sebagainya. Rungutan mengenai persaingan pemilikan ini dapat difahami melalui luahan daripada pemilik tanah yang ditemui iaitu;

“...sebab keluarga semakin besar, anak lagi. Anak-anak yang last-last, cucu-cucu lagi, habis sudah tanah. Sebab itu itulah yang kena kongsi tanah....”

Keadaan ini menyebabkan pemilik tanah dikawasan kajian telah mencadangkan agar tanah adat mereka disukat dan berikan geran. Melalui geran yang jelas, mereka boleh mempertahankan tanah mereka agar tidak dicerobohi dengan sewenang-wenangnya. Dapatan daripada pemilik tanah menjelaskan bahawa;

“...tanah adat penting untuk disukat kerana wujudnya pihak yang ketiga. Sama ada syarikat swasta ataupun individu...”

Penglibatan syarikat swasta dalam aktiviti perladangan dan pembalakan telah menyebabkan kebanyakan tanah adat telah ditukar menjadi tanah ladang secara besar-besaran malah dalam masa yang sama aktiviti pembalakan pula telah menjadi semakin serius. Kajian oleh Marcus (2008) dan BRIMAS (1999) telah menjelaskan bahawa pembukaan ladang dan pembalakan yang semakin berleluasa telah menyebabkan sumber asli seperti rotan, pokok-pokok kayu yang digunakan untuk komuniti dalam kehidupan seharian dan aktiviti sumber sampingan yang memberi nilai tambah seperti kraf tangan telah pupus. Keadaan ini telah menyebabkan pemilik tanah telah kehilangan sumber sampingan seperti rotan, kayu baruan dan sebagainya.

Selain itu, tanah adat juga menerima ancaman serta tekanan terutamanya daripada pihak ‘ketiga’. Perluasan aktiviti-aktiviti pembalakan, perladangan dan projek-projek pembangunan telah menggugat keselamatan pemilikan tanah adat komuniti Bidayuh. Menurut beberapa orang pemilik tanah seringkali syarikat-syarikat pembalakan atau perladangan mengambil kesempatan untuk ‘masuk sikit-sikit’ terutamanya bagi tanah terbiar. Dalam pada itu terdapat juga isu di mana individu dalam komuniti yang turut mengambil kesempatan berkomplot dengan pihak luar untuk menjual tanah terbiar dalam komunitinya. Justeru, bagi menjamin keselamatan pemilikan, tanah adat perlulah diusahakan sebagai tanda penggunaan tanah bagi mengelakkan sebarang ancaman aktiviti-aktiviti pencerobohan atau penipuan. Menurut pemilik tanah menyatakan:

“...dia orang memang masuk bah sebab fikir tak ada orang mahu pakai (guna tanah), jadi dia ambil sikit. Masa buat rumah dia pakai sikit, macam itulah jadinya. Lama-lama masuk sikit-sikit terus jadi dia punya...”

Meningkatkan nilai pasaran tanah

Motif pemilikan tanah yang bergeran oleh komuniti Bidayuh juga penting dalam usaha meningkatkan nilai pasaran terhadap tanah yang dimiliki. Menurut beberapa orang pemilik tanah geran pemilikan penting bagi membolehkan mereka menggunakan tanah tersebut bagi tujuan cagaran bagi mendapatkan pinjaman daripada pihak bank. Selain itu, syarat penyertaan dalam beberapa agensi pembangan tanah seperti RISDA misalnya mensyaratkan agar mereka mempunyai geran tanah yang jelas sebelum untuk sebarang bentuk bantuan boleh diberikan. Selain itu dalam masa yang sama nilai tanah mereka akan menjadi semakin baik jika dibandingkan dengan nilai sebelum dipindahmilik daripada tanah adat kepada milik

individu. Rungutan tentang nilai dan keperluan terhadap geran tanah jelas tergambar apabila ada pemilik tanah yang menjelaskan bahawa;

“...geran perlu untuk naikkan nilai tanah ni...”

Pengiktirafan pemilikan tanah juga penting kepada komuniti bagi mengelakkan konflik dengan syarikat-syarikat swasta terutamanya bagi aktiviti pembalakan dan perladangan. Rungutan daripada komuniti Bidayuh, menjelaskan bahawa syarikat-syarikat yang terlibat dengan aktiviti pembalakan dan perladangan tersebut telah memasuki dan menceroboh tanah-tanah adat kepunyaan mereka. Mereka tidak dapat untuk mempertahankan tanah mereka kerana tiadanya geran pemilikan yang boleh membuktikan hak mereka terhadap dengan lebih jelas. Keadaan ini menyebabkan pencerobahan terhadap tanah mereka dilakukan sewenang-wenangnya. Oleh itu, keperluan terhadap pemilikan tanah yang bergeran penting bagi menjamin keselamatan tanah mereka daripada diancam oleh aktiviti pencerobahan dan pembalakan yang berleluasa. Beberapa orang pemilik telah menjelaskan bahawa :

“...memang kami perlukan geran untuk menghalang mereka dari masuk tanah kami...”

“...mereka ini sangat ganas..abis dirampas hak kami..jika ada geran mudah la sikit..kali mereka takut la...”

Bagi pemilik tanah, pemilikan geran tanah geran individu buka sahaja boleh menjamin keselamatan pemilikan tetapi juga dapat meningkatkan nilai tanah mereka. Selain itu, mereka juga berpendapat jika sekiranya tanah diambil bagi tujuan pembangunan, bayaran pampasan yang diperoleh mereka juga boleh meningkat. Hal ini sudah pasti dapat menyenangkan hati pemilik tanah adat untuk melepaskan tanah mereka bagi tujuan pembangunan. Rungutan dari beberapa orang pemilik tanah menyatakan bahawa;

“...geran penting juga untuk kita...kalau ada pembangunan...bayaran tu adalah lebih sikit...jika ndak terpaksa la..apa-apa sajak...”

Bimbang berlakunya perlucutan pemilikan tanah

Selain ancaman dari pihak luar, motif pemilikan tanah juga penting bagi mengelakkan perlucutan terhadap pemilikan yang disebabkan oleh faktor konflik dalaman. Ini kerana tinjauan di beberapa buah kampung telah mendapati timbul beberapa penipuan oleh kepimpinan peringkat kampung. Antaranya komplot antara syarikat swasta dengan kepimpinan kampung yang telah menyebabkan tanah-tanah milik komuniti terpaksa digadaikan demi keuntungan wang ringgit. Memetik pandangan beberapa orang pemilik menjelaskan bahawa;

“...kalau geran ni, penting sebab kadang-kadang ditipunya kami... macam ketua kampung dengan group ini laa... dia (ketua kampung) cakap “kerajaan akan ambil tanah kita ini la”... tapi bukannya kerajaan. Yang sebenarnya company... company-company macam syarikat cina... Sebab cina dia berani buat... haa... ada duit, dia tak takut... di kasi ketua kampung, kamu pandai-pandai laa uruskan..”

Selain itu, ketiadaan pengiktirafan pemilikan tanah telah mendedahkan pemilik-pemilik tanah kepada risiko pengambilan tanah. Ini kerana tanah-tanah tidak termasuk dalam sistem pendaftaran tanah kerana ia diletakkan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Seringkali atas tujuan pembangunan, tanah-tanah ini telah diambil bagi tujuan pembangunan. Oleh itu bagi penmilik tanah di kawasan ini pengiktirafan pemilikan tanah penting bagi membolehkan mereka mempertahankan hak mereka. Malah jika diambil,

pampasan yang sewajarnya diberikan atas bukti terhadap hak pemilikan tanah. Menurut beberapa pemilik tanah;

“...apa sebab-sebab kami di kampung ini mahu tanah ini disukat? First sebab disukat, kami tidak ada tanah itu punya kerajaan state land. Itulah kami khuatir, takut nanti kalau kami tidak sukut nanti, tanah itu hak kerajaan punya la...bukan kami NCR punya la... itulah kami khuatir. Kalau macam ini sudah di jabatan survey report, sekarang menunggu dia punya approval laa. Jadi kalau ada itu geran, we are happy to ownership land. Macam itu la. That’s the most important thing la...”

Secara keseluruhannya, sistem ekonomi komuniti Bidayuh berkait rapat dengan sumber tanah terutamanya pertanian sebagai sumber hidup mereka. Sedang komuniti Bidayuh mengalami evolusi sosial ekonomi daripada ekonomi tradisional, pertanian sara diri kepada peringkat tanaman jualan dan kepada ekonomi moden, pengiktirafan terhadap pemilikan tanah penting sebagai langkah awal dalam pembangunan ekonomi komuniti mereka, terutamanya pertanian.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dapatan kajian telah menjelaskan motif pemilikan tanah komuniti Bidayuh. Dapatan kajian telah memberikan makna terhadap motif mereka mempertahankan pemilikan tanah. Motif komuniti Bidayuh memiliki tanah bukan sahaja atas keperluan ekonomi, tetapi lebih menekankan konteks sosial, spiritual dan ritual, dan kebudayaan mereka. Namun begitu, ketiadaan bukti pengiktirafan hak pemilikan secara formal seperti geran tanah telah menyebabkan wujud pertikaian yang berkait rapat dengan status, kesahihan dan keluasan sebenar pemilikan dan persempadanan mereka.

Keadaan ini seterusnya membawa kepada isu pertindihan pemilikan, pertikaian antara pemilik tanah, pihak berkuasa dan syarikat-syarikat swasta khususnya. Implikasi daripada pertikaian tersebut telah mewujudkan perasaan bimbang dan curiga dalam kalangan pemilik tanah adat. Situasi tersebut menjelaskan bahawa komuniti Bidayuh memerlukan pemilikan tanah adat yang jelas dalam konteks pemilikannya. Ini kerana tanah adat hanya diiktiraf oleh ahli dan kepimpinan dalam komuniti secara lisan tanpa bukti pendokumentasian atau secara ‘hitam putih’. Oleh itu, pengiktirafan pemilikan tanah mengikut peruntukan undang-undang formal dilihat sebagai satu keperluan komuniti bagi melindungi tanah adat daripada pelbagai tekanan seperti pencerobohan, penipuan dan pengambilan tanah. Justeru usaha untuk menambahbaik hakmilik tanah dalam kalangan masyarakat adat perlu diberikan penekanan oleh pihak kerajaan negeri. Hal ini perlu agar kedua-dua pihak yang bertentangan dapat memperoleh win-win solution dalam konteks hak dan pemilikan.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdul Hamid dan Adibah Awang. (2009). Pembangunan harta tanah dan pelestarian alam. *Prosiding Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam*, hlm. 1-22.
- Azima Abdul Manaf, Novel Lyndon, SivapalanSelvadurai, MohdYusofHussain, ZaimahRamli, SarmilaMd Sum, SuhanaSaad, Mokhtar Jaafar, Fuad Mat Jali. (2014). Menangani cabaran transformasi tanah NCR: Satu keperluan terhadap pendekatan pemetaan berpenglibatan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space 10 Issue 1*, (110-117).

- Bonita Lawrence and Enakski Dua. (2009). *Indigenous and restorative justice: reclaiming humanity and community*. Nebraskas: University of Nebraska Press.
- Burke A. Hendrix (2005), Memory in native American Land Claims, *Political Theory* 2005 : 733-763.
- Charlie Anak Unggang. (2014). *Etnik Bidayuh: Budaya dan warisan*. Kuching: Institut Penyelidikan Guru Malaysia.
- Contula L (2006) Key concept and trends in policy and legislation. *International Institute for Environment dan Development* (39): 9-20.
- Colchester, Tom Griffiths, Fergus Mackay, John Nelson (2008) *Indigenous Land Tenure and possibilities*. Forest Peoples Programme, Moreton-in-Marsh, United Kingdom.
- Dawos Mamit, J., Ahi A. Sarok & Nicholas Amin. (2003). *Creating a new Bidayuh identity*. Kuching: DayakBidayuh National Association
- FAO (Food & Agriculture Organization of The United Nations). (2002) *A Gender Perspective on Land Rights*
- F. Dumont E, Glon and B. Sepulveda. 2018. *Identification, visibility and recognition of indigenous people*. UCL Press: London
- IensKorff. (2013). Meaning of land to Aboriginal people. *Creative Spirits*. (atas talian) <http://www.creativespirits.info/aboriginalculture/land/meaning-of-land-to-aboriginal-people> [8 Februari 2013].
- Lisa A. McLoughlin. 2019. US Pagans and Indigenous Americans: Land and Identity. *Religions*. 10(3): 152-162
- Jens Korff. (2018). *Aboriginal Culture Essentials*. Cambridge University Press: Cambridge
- Janis Alcorn. (2013). The importance of self-determination, territory and rights to land other natural resources. *Journal Land and Community* 7 (1): 56-72
- MishuanaGeoman. (2008). From place to territories and back again. Centering storied land in the discussion of indigenous nation-building. *International Journal of Critical Indigenous Studies*. Vol. 1, No. 1 2008, 23-34.
- Marcus B. Lane. (2006). The role of planning in achieving indigenous land justice and community goals. *Land Use Policy*, Vol. 23, Issue 4, October 2006, 385-394.
- Muhammad Sodbir Hamzah, Hussin Abdullah, Mohamad Shukri Abdul Hamid. (2019). Economic growth, financial development and institutions: a review of the literature. *Journal e-Bangi*. Vol 16 (8): 1-16.
- Norfolk & Liversage (2008), *Land Reform and Poverty Alleviation in Mozambique*. The Southern African regional Poverty Network, Human Sciences Research Council.
- Nurzalikha Sa'adi, Nadzirah Zainordin (2019). Application of Green Technology among the contractors in central region of Sarawak. *Journal e-Bangi*. Vol 16(3): 13-23.
- Noviatin Syarifuddin, Mohamad Fauzi Sukimi, Rahimah Abdul Aziz. (2018). Socialization agent's knowledge dissemination among Bajau LAut Community: Tun Sakaran Marine Park Conservation Zone, Sabah. *Journal e-Bangi*. Vol 13 (2): 249-259.
- Kirsten Ewer Anderson. (2011). *Communal Tenure and the government of common property resources in Asia*. Land Tenure Working Paper 20. Food and Agriculture Organization Of United Nation

MAKLUMAT PENULIS

AZIMA ABDUL MANAF

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
azima@ukm.edu.my

ZAIMAH RAMLI

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
zaimahr@ukm.edu.my

SUHANA SAAD

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
suhanaasad@ukm.edu.my